



LUNG CANCER atau **BARAH PARU-PARU**

Bila 20,619 kes barah baru berlaku pada lelaki dalam tahun 2018, 16.6% didapati adalah **Barah Paru-paru**



Barah Paru-paru dan Kumpulan Etnik

Samada usia tua atau muda, taburan etnik di dapati serupa sahaja.

- Cina 71%
- Melayu 19%
- India 9%
- Lain-lain 1%



Insiden (setelah dipiawaiakan untuk usia) Barah Paru-paru pada kaum Cina adalah dua kali ganda kaum lain di Malaysia. (p<0.001)

Barah Paru-paru dan Usia

Usia purata barah disahkan adalah pada 60 tahun dengan puncaknya pada usia 70-an. Insiden untuk mereka di usia sebelum 40 tahun adalah rendah pada sekitar 6.2%

Berhenti merokok dan larang merokok dalam kediaman/ofis/kenderaan



- Merokok adalah punca utama Barah Paru-paru samada "small cell" atau "non-small cell"
- Merokok menyumbang kepada 80-90% kematian Barah Paru-paru pada wanita juga lelaki.
- Lelaki merokok adalah 23 kali lebih cenderung mendapat Barah Paru-paru.
- Wanita merokok adalah 13 kali lebih cenderung mendapat Barah Paru-paru berbanding yang bukan.

Dianggarkan, merokok menyebabkan hampir 90% kematian dari Barah Paru-paru.

Radon pula menyebabkan ~10%; pendedahan pekerjaan kepada karsinogen pula 9-15%; dan pencemaran udara 1-2%. Jumlah melebihi 100% kerana terdapat pertindihan pengaruh keempat-empat kategori.

Simpptom Awal:

- Batuk berpanjangan malah makin bertambah teruk
- Garu suara
- Sakit dada berterusan
- Sesak nafas; mungkin juga seperti (berbunyi) lelah
- Infeksi paru-paru berulang-ulang seperti bronkitis atau pneumonia
- Batuk berdarah



A Chest X-Ray (CXR) might be able to show a lesion like one above seen on the left side of the chest - the left lung.

Simpptom Kemudian:

- Susut berat badan
- Hilang selera makan
- Sakit kepala
- Sakit-sakit tulang atau tulang patah
- Darah beku




Imbasan CT (Computed tomography) mampu menunjukkan keterangan jelas terutama di mana letaknya ketumbuhan itu berada.


Awas!

Barah Paru-paru mungkin sahaja tidak dikesan sedemikian lama kerana simptom-simpptom di atas boleh sahaja dikaitkan dengan masalah-masalah kesihatan lain. Jika simptom-simpptom masih berterusan bawalah berbincang dengan doktor.

Doktor akan mengimbas kembali sejarah lampau lalu membuat pemeriksaan lebih teliti. X-ray dada (CXR) adalah permulaan yang baik untuk menjejak kemungkinan barah.



*Five-year survival (percentage of people who live at least five years after diagnosis)



Radon adalah gas radioaktif yang secara alami terbentuk bila Uranium, Thorium atau Radium (kesemuanya bersifat radioaktif) melusuh dalam batu-batuan, tanah juga air bawahtanah. Kita terdedah kepada Radon bila bernafas udara yang keluar melalui rekahan dan rengkangan dalam bangunan-bangunan dan rumah. Oleh kerana Radon adalah hasil azali, kita senantiasa terdedah kepadanya.

Barah Paru-paru boleh terhasil dari pendedahan kerja termasuk asbestos, uranium dan "coke" - bahan penting dalam pembuatan besi waja juga seumpamanya. Pengembelangan merokok dengan

bahan-bahan sedemikian meningkatkan berkali-ganda kecenderungan mendapat Barah Paru-paru.

Barah Paru-paru dan Perokok Sekunder

Perokok sekunder adalah mereka yang tidak merokok tetapi menyedut asap rokok dari sekitar. Bukan perokok akan berisiko sekitar 20-30% lebih berkecenderungan mendapat Barah Paru-paru bila mereka terdedah kepada asap rokok yang dihembuskan keluar oleh perokok.



Kadar survival (terus hidup) jangka 5-tahun untuk Barah Paru-paru adalah lebih rendah berbanding dengan barah lain. Lebih dari separuh dari mereka yang disahkan mendapat Barah Paru-paru meninggal dalam masa setahun.

Vaping: Wap dari rokok elektronik mengandungi bahan-bahan yang boleh membuat seseorang itu ketagih; juga mampu mendorong ke arah penyakit paru-paru, jantung dan serebrovaskular.

